

24 AUG 1998

DR MAHATHIR LANCAR PERODUA KEMBARA

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Perodua Kembara -- kenderaan pacuan empat roda nasional yang pertama.

Kembara adalah kenderaan serbaguna yang menggabungkan reka bentuk sport dan kelebihan kenderaan pacuan empat roda dengan pengendalian dan keselesaan kereta penumpang.

Ia dikeluarkan oleh pembuat kereta nasional kedua, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua). Sejak ditubuhkan pada 1994, Perodua telah memperkenalkan dua model dalam pasaran iaitu Kancil dan Rusa, yang kedua-duanya mendapat sambutan baik.

Kembara mempunyai tiga variasi -- EX, GX dan EZ -- dengan harga daripada RM45,898.00 sehingga RM52,276.19.

Dr Mahathir juga melancarkan logo korporat baru Perodua yang digunakan pada model Kembara.

Dr Mahathir juga menyaksikan penyerahan sijil ISO 9001 kepada Pengarah Urusan Perodua Datuk Abdul Rahman Omar oleh Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Pensijilan Kenderaan dari United Kingdom Derek Harvey.

Perodua menerima pengiktirafan itu kerana bahagian reka bentuk dalaman dan luaran serta aksesori. Ia yang pertama diberikan kepada pembuat kereta penumpang dan van serbaguna di negara ini.

-- BERNAMA

AD HS MAI